

Lebih banyak barang turun harga sejak SST

BH 22/11/18

Lebih banyak barang keperluan pengguna turun harga sejak Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) diperkenalkan, kata Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail.

Katanya, perkara itu diperolehi menerusi analisis lebih 1,000 pegawai kementerianannya, yang memantau perubahan harga bagi 417 jenis barang yang kerap digunakan pengguna setiap hari.

“Daripada 417 item yang disemak harganya oleh pegawai pemantau harga, bagi barangan yang dikenakan lima peratus SST, lima peratus barang kekal harga, lima peratus naik harga dan 90 peratus pula turun harga.

“Bagi yang dikenakan 10 peratus SST, lapan peratus barang

**Fakta
nombor**

**417
BARANGAN**

dipantau
KPDNHEP

kekalkan harga, lapan peratus lagi naik harga, manakala 84 peratus pula turun harga.

“Berdasarkan corak perubahan harga ini, anda putuskan sama ada nak buat kenyataan secara umum (mengatakan harga barang naik atau tidak turun) atau menilai berdasar-

kan fakta dan angka,” katanya ketika menggulung perbincangan Belanjawan 2019 di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab celahan Datuk Seri Ahmad Maslan (BN-UMNO Pontian) yang menyifatkan jumlah 417 barangan yang dipantau KPDNHEP tidak memberikan gambaran sebenar jumlah barang yang turun atau naik harga selepas SST diperkenalkan.

Kongsi pengalaman

Ahmad Maslan berkongsi pengalamannya memantau harga barang di sebuah kedai 24 jam, dengan pekerja premis itu mengakui hampir semua barangan dalam kedai itu mengalami kenaikan harga sebanyak 10 peratus.

“Saya tidak puas hati dan pergi ke outlet 24 jam yang lain,

dan pekerja kedai itu memaklumkan 182 barang naik harga 10 peratus selepas SST dilaksanakan,” katanya yang menggesa KPDNHEP memantau semua 6,405 barangan dikenakan SST.

Mengulas lanjut, Saifuddin berkata, pihaknya sedia berkongsi maklumat dengan teliti mengenai barangan yang mengalami kenaikan, penurunan atau kekal di laman sesawang KPDNHEP.

Katanya, KPDNHEP memilih 417 barangan untuk dipantau kerana ia adalah barangan yang kerap digunakan pengguna berbanding memantau semua jenis barang.

Ini kerana, katanya, ada pasaran yang mempunyai 40,000 jenis barang dalam unit simpanan stok (SKU) masing-masing.